

Hubungan tahap terbaik

BH- 23/2/2007

Abdullah, Susilo anggap Malaysia dan Indonesia sahabat suka, duka

Marja Ismail
Jakarta,
Indonesia



SAHABAT dalam suka dan duka - demikian pandangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono mengenai hubungan Malaysia-Indonesia sekarang yang mereka sifatkan pada tahap terbaik sejak kedua-dua negara menjalin hubungan diplomatik 50 tahun lalu.

Kedua-dua pemimpin sependapat, kesan ketara kerjasama erat memabitkan kerajaan, swasta dan rakyat itu ialah Malaysia muncul sebagai pelabur terbesar di Indonesia tahun lalu dengan nilai pelaburan AS\$2.2 bilion, manakala nilai perdagangan dua hala meningkat kira-kira 28 peratus kepada AS\$5.9 bilion.

Mereka bagaimanapun percaya, kerjasama dalam bidang yang belum diterokai sepenuhnya perlu ditingkatkan terutama memabitkan ekonomi rakyat berhampiran sempadan kedua-dua negara di Kepulauan Borneo dan menangani masalah tanah gambut di Indonesia yang saban tahun terbakar sehingga menyebabkan kejadian jerebu di rantau ini.

"Hubungan yang cukup baik apabila diambil kira dari semua aspek. Aspek politik dan aspek kerjasama ekonomi. Dulu mana ada Malaysia membuat pelaburan yang cukup besar dalam jangka masa yang singkat," kata Abdullah pada sidang media sebelum berlepas pulang ke tanah air selepas lawatan kerja dua harinya ke sini, semalam.

Pagi semalam, Perdana Menteri menerima Bintang Republik Indonesia Adi Pradana daripada Susilo, anugerah tertinggi yang pernah diberikan republik ini kepada pemimpin Malaysia.

Upacara penganugerahan diadakan selepas mereka mengadakan perbincangan dua hala di Istana Presiden.

Pada sidang media selepas upacara itu, Abdullah berkata, penganugerahan itu adalah pengiktirafan amat

“Hubungan yang cukup baik apabila diambil kira dari semua aspek. Aspek politik dan aspek kerjasama ekonomi. Dulu mana ada Malaysia membuat pelaburan yang cukup besar dalam jangka masa singkat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

“Sahabat sejati ialah sahabat dalam suka dan duka. Demikianlah yang kita lakukan dewasa ini. Saya berterima kasih atas bantuan Malaysia, baik pemerintah atau rakyat Malaysia ketika tsunami, gempa bumi dan banjir melanda Indonesia”

Susilo Bambang Yudhoyono
Presiden Indonesia



ANUGERAH TERTINGGI: Abdullah menerima Bintang Republik Indonesia Adi Pradana daripada Susilo di Istana Presiden, Jakarta, semalam.

Persahabatan dua negara semakin kukuh

DARI MUKA 1

tinggi dan berharga dalam mencerminkan hubungan baik yang terjalin sekian lama antara Malaysia dengan Indonesia.

"Menjadi harapan saya dan Kerajaan Malaysia, supaya hubungan dua hala yang baik dan kerjasama ekonomi dalam bidang-bidang lain terus meningkat. Saya ingin mengambil kesempatan untuk melahirkan betapa rasa terharu dan bersyukur apabila berlakunya banjir di beberapa tempat di Malaysia, paling teruk di Johor, Indonesia menyampaikan bantuan.

"Ini melahirkan satu perasaan dalam diri saya bahawa persahabatan Indonesia dan Malaysia sentiasa kekal sama ada ketika senang atau sewaktu susah. Bukan hanya masa senang kita mahu berkawan, waktu susah juga kita setia berkawan serta saling membantu, sama ada di pihak Malaysia atau di pihak Indonesia," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Indonesia perlu meningkatkan nilai kerjasama yang tercapai setakat ini serta melihat secara positif sebarang perbincangan, membabitkan hubungan dua hala dengan mengutamakan apa yang terbaik untuk kerajaan dan rakyat kedua-dua negara.

"Saya sendiri mengutamakan apa yang baik untuk kedua-dua negara. Melalui pembabitkan kami berdua, di peringkat menteri, swasta, ahli perniagaan dan rakyat, kita akan dapat membuktikan bahawa dua negara Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC) ini dapat bekerjasama serta mengutamakan kerjasama yang berasaskan ekonomi dan pembangunan untuk kebaikan, keuntungan dan rahmat kepada kedua-dua negara," katanya.

Susilo pula menjelaskan, penganugerahan itu adalah tanda penghormatan Indonesia kepada jasa dan peranan Abdullah dalam mempererat dan mempertingkatkan kerjasama antara kerajaan serta rakyat Malaysia-Indonesia.